



DASAR MINERAL NEGERI TERENGGANU 2018



DASAR MINERAL NEGERI TERENGGANU 2018

1. Syarat-Syarat Umum Permohonan

- 1.1 Permohonan melombong hendaklah mematuhi dan diproses selaras dengan Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 dan Peraturan-Peraturan Mineral Terengganu 2005.
- 1.2 Sebarang permohonan berkaitan dalam Jadual Ketiga Peraturan Peraturan Mineral Terengganu 2005 hendaklah ditandatangani oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu atau mana-mana pegawai yang diperturunkan kuasa oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu untuk proses pendaftaran.
- 1.3 Hanya satu jenis mineral sahaja dibenarkan untuk setiap permohonan melombong yang baharu dan tiada perkataan "lain-lain" terhadap jenis mineral yang hendak dilombong.

1.4 Pajakan Melombong (ML)

- i. Permohonan Pajakan Melombong oleh orang perseorangan atau individu adalah tidak dibenarkan.
- ii. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai syarikat persendirian (mempunyai perkataan 'Sendirian Berhad' atau 'Sdn. Bhd.' pada nama syarikat) atau syarikat awam (mempunyai perkataan 'Berhad' atau 'Bhd' pada nama syarikat) termasuk Agensi Kerajaan dan Koperasi sahaja.
- iii. Undang-undang Tubuh (M&A) permohonan hendaklah salah satu objektifnya boleh menjalankan aktiviti perlombongan.
- iv. Pemohon hendaklah melantik Perunding Berdaftar yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan.
- v. Keluasan maksima bagi setiap permohonan adalah tidak melebihi 60 hektar sahaja dan sekiranya melebihi 60 hektar, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan secara berasingan.

- vi. Syarikat mestilah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu).
- vii. Pemohon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam aktiviti perlombongan di mana-mana dalam Malaysia atau di luar negara.
- viii. Bagi permohonan oleh mana-mana syarikat yang mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun atau tidak mempunyai pengalaman dalam aktiviti perlombongan syarikat tersebut perlu membentangkan proposal permohonan tersebut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Lombong dan Kuari yang dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu atau Timbalan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

1.5 Lesen Melombong Tuan Punya (PML)

- i. Permohonan boleh dikemukakan oleh orang perseorangan dan persendirian hendaklah berumur 21 tahun dan ke atas.
- ii. Kerja-kerja melombong hendaklah dilakukan secara pengendalian skala kecil sahaja.
- iii. Perlu membentangkan proposal permohonan tersebut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Lombong dan Kuari yang dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu atau Timbalan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

1.6 Lesen Mencarigali dan Lesen Penjelajahan

- i. Permohonan Lesen Mencarigali dan Lesen Penjelajahan secara perseorangan atau individu adalah tidak dibenarkan.
- ii. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai syarikat persendirian (mempunyai perkataan 'Sendirian Berhad' atau 'Sdn. Bhd.' pada nama syarikat) atau syarikat awam (mempunyai perkataan 'Berhad' atau 'Bhd' pada nama syarikat) termasuk Agensi Kerajaan dan Koperasi sahaja.

- iii. Undang-undang Tubuh (M&A) pemohon hendaklah salah satu objektifnya boleh menjalankan aktiviti perlombongan.
- iv. Pemohon hendaklah melantik Perunding Berdaftar yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan.
- v. Permohonan Lesen Mencarigali adalah bagi keluasan kawasan tidak melebihi 400 hektar.
- vi. Permohonan Lesen Penjelajahan adalah bagi kawasan melebihi 400 hektar.

1.7 **Lesen Memfosik, Lesen Mendulang dan Lesen Melombong Individu**

- i. Permohonan dibuka kepada individu iaitu rakyat Negeri Terengganu atau mana-mana orang yang mendapat surat akuan menjadi rakyat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu mengikut Undang-Undang Taraf Kebangsaan Negeri Terengganu Tahun 1952 (Undang-Undang Terengganu Bilangan 3 Tahun 1953)
- ii. Pemohon hendaklah berumur 21 tahun dan ke atas.
- iii. Sekiranya Pemohon bercadang untuk memfosik dalam satu kawasan yang termasuk di dalam mana-mana tanah bermilik, tanah pendudukan, tanah lombong, kawasan mencarigali atau penjelajahan, Pemohon perlu mendapatkan kebenaran bertulis dan dilampirkan bersama-sama borang permohonan.

2. **Bagi Permohonan Yang Diluluskan**

2.1 **Tempoh Pajakan dan Lesen**

- i. Tempoh Pajakan Melombong dan Lesen Melombong Tuan Punya ialah selama 5 tahun dan boleh diperbaharui untuk setiap 5 tahun.
- ii. Tempoh Lesen Mencarigali dan Lesen Penjelajahan ialah selama 2 tahun sahaja dan boleh diperbaharui untuk setiap 2 tahun.

- iii. Lesen Memfosik, Lesen Mendulang dan Lesen Melombong Individu hanya sah untuk tempoh tidak melebihi setahun dan tidak boleh dipindahmilik serta tidak boleh diperbaharui.

2.2 **Kaedah Pembayaran Awal Royalti**

- i. Pemegang tenemen dikehendaki mengemukakan laporan bulanan bagi kadar bijih mineral yang dieksport kepada Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu dan pembayaran royalti akan dikira berdasarkan laporan tersebut (kadar bayaran royalti akan ditentukan berdasarkan harga semasa oleh Pengarah Mineral dan Geosains Malaysia Negeri)
- ii. Pembayaran royalti hendaklah dilakukan secara bulanan.
- iii. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan dalam pembayaran royalti atau timbul keraguan dalam mana-mana laporan yang dikemukakan, Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu berhak untuk menyekat pengeluaran Borang 13D (Dokumen Pemindahan Bijih Mineral) dan tiada pengalihan/pengeksporan bijih mineral dibenarkan.
- iv. Sekiranya perlu, pemegang tenemen akan diarahkan menimbang bijih mineral yang dialihkan tersebut (menggunakan jambatan timbang yang ditetapkan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu) sebelum dieksport bagi memastikan jumlah pengalihan bijih mineral sama sebagaimana laporan yang telah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

3. **Dasar Tambahan Dasar Bagi Perlombongan Biiih Bauksit**

- i. Perlombongan bijih bauksit di atas tanah persendirian hendaklah melibatkan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) bukannya melalui pihak lain.
- ii. Pemegang tenemen hendaklah melantik mana-mana syarikat yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai operator bagi menjalankan kerja-kerja perlombongan bijih bauksit ini.
- iii. Pemegang tenemen dan operator hendaklah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana dipersetujui dan

diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali ke 21 Tahun 2016 bertarikh 15 Jun 2016.

- iv. Pengalihan bijih bauksit ini hendaklah melalui jalan/ laluan khas yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sahaja.
- v. Sebelum sebarang aktiviti perlombongan bijih bauksit ini dimulakan, Penerima Pajak atau pemilik tanah diwajibkan mengadakan rundingan terlebih dahulu bersama-sama penduduk sekitar yang difikirkan akan terkesan atau terjejas dengan aktiviti perlombongan tersebut.
- vi. Bijih bauksit dalam Negeri Terengganu hendaklah dieksport melalui Pelabuhan Kemaman sahaja.

4. **Kawasan Perlombongan Yang Terlibat Dengan Kawasan Hutan Simpan atau Hutan Simpan Kekal**

- i. Permohonan melombong yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang melibatkan kawasan hutan simpan atau hutan simpan kekal, kawasan tersebut hendaklah terlebih dahulu dibatalkan perizaban sebagai hutan simpan atau hutan simpan kekal sebelum sebarang aktiviti perlombongan dimulakan.
- ii. Perlombongan bijih timah, wolfram dan lain-lain di dalam kawasan ini hanya dibenarkan menggunakan kaedah lombong bawah tanah (undeground mining) sahaja sebagaimana persetujuan dan kelulusan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali ke 12 Tahun 2014 bertarikh 9 April 2014.

5. **Penggunaan Borang 13D iaitu Dokumen Pemindahan Bijih Mineral**

- i. Hanya Borang 13D yang dikeluarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu sahaja dibenarkan untuk pengalihan bijih mineral daripada Negeri Terengganu.
- ii. Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu boleh menghadkan pengeluaran atau menyekat pengeluaran Borang 13D ini mengikut budi bicara dan dalam keadaan tertentu.

6. **Rayuan Bagi Permohonan Baharu Yang Ditolak Oleh Pihak Berkuasa Negeri**

- i. Pemohon dibenarkan mengemukakan rayuan hanya sekali sahaja bagi sebarang permohonan baharu yang ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- ii. Tempoh rayuan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan daripada tarikh surat pemakluman penolakan tersebut.
- iii. Sekiranya permohonan rayuan tersebut juga ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon tidak lagi dibenarkan mengemukakan permohonan bagi tapak yang sama.
- iv. Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu diberi kuasa untuk menolak permohonan rayuan yang tidak memenuhi (i) dan (ii) di atas.

7. **Penurunan Kuasa Kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Oleh Pihak Berkuasa Negeri**

- i. Selepas tamat tempoh 60 hari jumlah fi kelulusan yang perlu dibayar oleh pemohon, Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu boleh mempertimbangkan lanjutan tempoh bayaran fi tersebut selama 30 hari sahaja.
- ii. Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu boleh mempertimbangkan bagi membenarkan pengalihan keluar bijih yang masih berbaki setelah tamat tempoh Pajakan Melombong atau Lesen Melombong Tuan Punya dalam suatu tempoh yang sesuai berdasarkan kadar baki stockpile yang ada di tapak.

8. **Pengecualian**

Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat apa-apa perubahan atau sebarang keputusan yang difikirkan munasabah, dari masa ke semasa dan ianya TIDAK terikat dengan dasar ini secara keseluruhannya.